

Remaja melecur disimbah petrol sering bermimpi suspek datang serangnya di ICU

Sering teringat dibakar hidup-hidup

Oleh NIK NUR IZZATUL
HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN – Remuk hati seorang ibu apabila mengenangkan nasib anak lelakinya yang sering meraung di unit rawatan rapi (ICU) kerana tidak tahan dengan bahang yang masih dirasai pada badannya akibat dibakar hidup-hidup dalam kejadian di Kampung Perasing Jaya, Jabor di sini baru-baru ini.

Anisah Takzim, 50, berkata, anak bongsunya, Muhammad Fiqrie Adam Abdullah, 15, yang kini dirawat di ICU Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAF), Kuantan, Pahang juga sering mengigau teringat insiden terbabit.

Katanya, anaknya turut mengalami kesan trauma berterusan ekoran daripada peristiwa dibakar hingga melecur teruk dari bahagian leher hingga belakang badan.

“Banyak kali juga dia meraung mengadu kesakitan dan mengatakan badannya terasa panas ke-



BEGINILAH keadaan Muhammad Fiqrie Adam yang melecur 40 peratus selepas dibakar hidup-hidup oleh sekumpulan individu di Kampung Perasing Jaya, Jabor, Kemaman 22 Julai lalu.

Warita saya anak diperlakukan kerana RMICO
**Kalau salah berkas,
bukan bakar – Ibu**

KEMAMAN – Ibu kepada remaja lelaki yang melecur akibat disimbah petrol berkata dia tidak sanggup melihat anaknya yang melecur teruk akibat kejadian di Kampung Perasing Jaya, Jabor di sini baru-baru ini.

Saya sedar anak saya tidak pernah berfikir dia tidak sanggup melihat anaknya dibakar hidup-hidup.

KERATAN Kosmo! 26 Julai 2022.

pun saya masih boleh terima (perbuatan itu). Saya tak sangka masih ada manusia yang begitu kejam dan tergamak berbuat demikian,” katanya.

Menurut Anisah, anaknya sering bermimpi seolah-olah suspek datang untuk menyerangnya di dalam ICU.

“Selain itu, dia juga berkata sering terbayang kembali peristiwa dicurahkan minyak dibakar hidup-hidup,” katanya.

Ujar Anisah, gangguan itu menyentap emosi Muhammad Fiqrie Adam sehingga menyebabkan remaja yang keciciran pelajaran itu banyak termenung.

tika dirawat di ICU.

"Ibu mana yang sanggup melihat keadaannya seperti itu. Saya tidak sampai hati dan sering mengalirkan air mata mengenangkan nasibnya," katanya ketika dihubungi semalam.

Sebelum ini, *Kosmo!* melaporkan seorang remaja lelaki berusia 15 tahun mengadu dibakar rakan-rakannya kerana dituduh mencuri wang tunai RM100.



ANISAH

Dalam kejadian itu, Anisah memberitahu, dia terkejut apabila mendapati anaknya mengetuk pintu rumah pada pukul 2 pagi 22 Julai lalu sambil mengerang kesakitan dengan baju yang dipakai melekat pada tubuh.

Anaknya kemudian memaklumkan yang dia telah dibakar dengan cuba memadamkan api dengan cara berguling atas tanah sebelum berlari pulang ke rumah

sebelum bergegas membawa mangsa yang melecur 40 peratus ke hospital.

Anisah berkata, perbuatan membakar anaknya hidup-hidup amat kejam dan selaku wajar mendapat hukuman setimpal.

"Saya sedar anak saya nakal, tetapi kalau dia buat salah tangkap dan serah kepada polis bukannya bakar hidup-hidup.

"Jika (anak) dipukul sekali-

Tambah ibu tunggal itu, anaknya yang masih terlantar juga hanya bercakap sepatah-sepatah apabila ditanya hingga menggusarkan hatinya.

Sehubungan itu, Anisah berharap agar undang-undang dapat berlaku adil ke atas nasib anaknya dengan memberikan pengajaran sewajarnya terhadap mereka yang bertanggungjawab ke atas kejadian tersebut.

Empat penganggur didakwa bakar remaja di Jabor

KEMAMAN – Empat penganggur dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan membakar seorang remaja hingga mengakibatkan mangsa cedera parah pada minggu lalu.

Shaikh Hilman Hakim Shaikh Anuar, 28, hanya menganggu faham selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Tengku Eliana Tuan Kamaruzaman.

Tiga lagi tertuduh, Mohamad Razman Zalizan, 20, dan dua beradik, Mohamad Razif Mohamad, 20, serta Muhammad Imran, 18, pula mengaku tak bersalah di mahkamah yang sama.

Kesemua mereka didakwa mencederakan Muhammad Fiq-

rie Adam Abdullah, 15, hingga parah di simpang empat Kampung Perasing Jaya, Jabor di sini pada pukul 3 pagi, 22 Julai lalu.

Shaikh Hilman Hakim didakwa mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara 20 tahun dan denda atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan.

Majistret Tengku Eliana tidak menawarkan jaminan kerana di luar bidang kuasanya dan menetapkan 1 Ogos ini untuk sebutan semula bagi jaminan di Mahkamah Sesyen di sini.

Sementara itu, Mohamad Razman, Mohamad Razif serta Muhammad Imran yang diwakili peguam Nurul Farhana Samsudin

pula dituduh mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Ketiga-tiga mereka dibebaskan dengan jaminan RM1,800 dan mahkamah menetapkan 8 September depan sebagai tarikh untuk sebutan semula kes.

Pada 23 Julai lalu, *Kosmo!* Online melaporkan seorang remaja lelaki mengadu dibakar rakan-rakannya gara-gara dituduh mencuri wang tunai RM100.

Ibu mangsa, Anisah Takzim, 50, yang kesal dengan kejadian itu merayu pihak berkuasa supaya menjalankan keadilan buat anaknya yang sedang melawan kesakitan di Unit Rawatan Rapi, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan.



SHAIKH HILMAN (kiri) dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Kemaman selepas didakwa mencederakan Muhammad Fiqrie Adam semalam.